

UMS terus tradisi laksana ibadah korban sempena Aidiladha

UB 20.06.2024 P.02

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Pusat Islam UMS (PIUMS) meneruskan tradisi pelaksanaan ibadah korban di universiti seperti tahun-tahun sebelumnya bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidiladha.

Menurut kenyataan dari PIUMS, pada tahun ini seramai 35 peserta terlibat dalam ibadah korban di UMS, dengan lima ekor lembu dikorbankan secara bermotong-royong di pekarangan Masjid UMS.

“Manakala sejumlah 35 orang kakitangan UMS dan 30 orang pelajar turut terlibat membantu dan menjayakan kerja-kerja penyembelihan, melapah dan pengagihan daging korban.

“Daging korban kemudiannya diagihkan kepada kakitangan-kakitangan dan pelajar-pelajar UMS, selain jamuan sempena sambutan Hari Raya Aidiladha turut diadakan



TINJAU: Kasim berkesempatan meninjau aktiviti korban yang dilaksanakan.

untuk warga UMS selepas Zohor,” demikian kenyataan dari PIUMS.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj Mansor turut berkesempatan me-

ninjau aktiviti korban yang dilaksanakan pada sebelah pagi.